

Baki simpanan air tujuh empangan di bawah 50%

Oleh **HAKIMI ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 27 April - Musim panas melampau yang berpanjangan akibat fenomena El Nino mula memberi impak kepada bekalan air negara apabila bacaan paras air simpanan di tujuh empangan kini berada di tahap bawah 50 peratus.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, tujuh empangan tersebut ialah Timah Tasoh, Perlis, Beris, Saga dan Muda di Kedah; Labong, Johor; Bukit Merah, Perak dan Bukit Kwong di Kelantan.

Beliau berkata, mesyuarat Kabinet pada hari ini juga telah mengarahkan pembenihan awan dibuat setiap hari terutamanya di kawasan empangan dan loji di seluruh negara.


"Ketika ini paras simpanan air di Timah Tasoh ialah 29 peratus, Beris (36 peratus), Saga (38.52 peratus), Labong 11.42 peratus, Bukit Merah (12.31 peratus) dan Bukit Kwong (6.8 peratus). Semua empangan ini akan dipantau untuk memastikan keadaan sentiasa terkawal.

"Kebanyakan empangan membekalkan air kepada pihak industri, kegunaan domestik dan pertanian, oleh sebab itu bekalannya cepat berkurangan. Kerajaan juga sudah ambil langkah untuk mengatasinya dengan melakukan pembenihan awan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata, berikutan peningkatan kes-kes pembakaran terbuka sejak kebelakangan ini, pihaknya bercadang mengemukakan usul untuk menggubal undang-undang bagi merampas tanah yang dibiarkan terbakar tanpa pengawalan daripada pemilik.

Beliau berkata, perkara tersebut akan melibatkan tanah persendirian dan tanah ladang yang dibakar secara terbuka dan menyumbang kepada pencemaran udara serta mengundang masalah jerebu di negara ini.

"Sekarang mereka yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-



Mesyuarat Kabinet pada hari ini juga telah mengarahkan pembenihan awan dibuat setiap hari terutamanya di kawasan empangan dan loji di seluruh negara."

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

duanya sekali menurut Seksyen 29(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan memandang serius peningkatan kes-kes pembakaran terbuka yang telah menyumbang kepada masalah jerebu, apabila dalam tempoh Januari hingga semalam sebanyak 1,460 kes kebakaran hutan, belukar dan tapak pelupusan sampah dilaporkan.

"Undang-undang sedia ada dilihat tidak mampu menghalang aktiviti pembakaran terbuka terus dilakukan, jadi kita mahu tindakan lebih tegas, kalau di Sarawak kita panggil 're-enter the land' yang mana tanah diserahkan kepada kerajaan.

"Pada masa ini cadangan tersebut akan dibincangkan di peringkat kementerian dan agensi terlebih dahulu sebelum dibawa kepada perhatian Peguam Negara dan Kabinet setelah diperhalusi sebaik mungkin," katanya.